

27/01/2003

Singapura perlu elak timbulkan ketegangan

PUTRAJAYA: Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar meminta rakan sejawatannya dari Singapura, S Jayakumar supaya tidak menyenaraikan pandangan rakyat Malaysia yang didakwa sebagai tidak bertanggungjawab atau berbahaya sehingga menimbulkan ketegangan antara kedua negara.

Sebaliknya, beliau berkata, sekiranya Malaysia ingin melakukan perkara yang sama, banyak isu yang republik itu sudah lakukan sehingga boleh menyinggung perasaan rakyat negara ini dan menimbulkan ketegangan.

"Saya harap rakan sejawatan saya (Jayakumar) tidak sentiasa mengambil pendekatan ini kerana kalau kita nak senaraikan apa Singapura dah buat bagi menyinggung dan membangkitkan ketegangan, banyak.

"Namun, perkara ini tidak akan mendatangkan sebarang keuntungan dan tidak ada akhirnya," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Jayakumar kelmarin yang menuduh ahli politik dan media Malaysia khususnya akhbar berbahasa Melayu, sebagai 'suka lepas cakap mengenai perang' serta menganggap sikap ini tidak bertanggungjawab dan berbahaya.

Jayakumar memberi contoh amaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan sempena Tahun Baru 2003 yang memberi amaran negara yang mencabul kedaulatan Malaysia pasti menerima padah, ditujukan kepada Singapura.

Syed Hamid berkata, sebarang perkara yang menjadi kepentingan Malaysia sudah tentu akan menarik minat orang ramai dan orang politik yang bertanggungjawab menjaga kedudukan negara ini.

Bagaimanapun, katanya, yang menimbulkan masalah sekarang ialah sikap Singapura yang suka membuat tuduhan dan memandang serong kepada Malaysia.

"Tidak adil pemimpin Singapura menuduh ahli politik Malaysia kerana dari segi rasionalnya, ia membabitkan emosi rakyat. Perkara ini menunjukkan Singapura tidak ada semangat timbang rasa sebagai negara jiran," katanya.